



Assalamu'alaikum wbt.

Malam ini Jam 03.25 MMT (Mecca Mean Time) waktu Mecca, Bulan akan mengelilingi (Tawaaf) Ka'bah. Ini terjadi dalam 100,000 TAHUN sekali.

Sky will be light blue, this ia a

Sky will be light blue, this ia a moment of acceptance and this moment comes after every 100 Thousand Years, you can ask ALLAH SWT what ever you want to ask.

Please send this message to Your LOVE and FRIENDS.

Rebut dan Dapatkan Peluang yg datang sekali dlm 100,000 TAHUN. • Alhamdulillah.... Memang kita termasuk ummat yg terpilih utk ber- Dalam waktu yg amat Mustajab

Bulan 'tawaf' kelilingi Kaabah mesej palsu

BERITA HARIAN
18/8/2016
VIRAL DIFB m/s 9

➔ Fenomena tidak benar, bercanggah al-Quran: Ahli falak

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my
Kuala Lumpur

Umat Islam perlu berhenti mempercayai penyebaran mesej yang menyatakan kononnya bulan akan membuat tawaf mengelilingi Kaabah, di Makkah pada jam 8.25 pagi ini.

Pensyarah penyelidikan ilmu falak Universiti Malaysia Pahang, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, berkata fenomena seperti itu jelas tidak benar dan bercanggah dengan apa diceritakan dalam al-Quran.

"Dalam Surah Yasin, diceritakan bahawa jasad samawi, iaitu merujuk objek yang terapung di langit (seperti bulan, bumi dan matahari) semuanya akan bergerak di orbitnya sendiri.

"Maknanya pergerakan objek itu tidak berubah melainkan dengan kehendak-Nya (Allah) atau pun ketika berlakunya kiamat," katanya ketika dihubungi BH, malam tadi.

Keliruan umat Islam

Penyebaran mesej seumpama itu menurut beliau dicipta bagi mengelirukan umat Islam dan mereka yang tidak memiliki pengetahuan mengenai ilmu falak akan mudah mempercayainya.



Fenomena astronomi ini kini sudah mula disebar dan mengaitkannya dengan sentimen agama. Ia jelas satu yang bahaya bukan saja kepada (agama) Islam, malah penganut agama lain"

Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Pensyarah penyelidikan ilmu falak Universiti Malaysia Pahang

"Fenomena astronomi ini kini sudah mula disebar dan mengaitkannya dengan sentimen agama. Ia jelas satu yang bahaya bukan saja kepada (agama) Islam, malah penganut agama lain.

"Sebab itu penting bagi umat Islam membuat rujukan dengan pihak berkuasa seperti Unit Falak di Jabatan Mufti atau membaca web seperti *falakonline.net*," katanya.

Sejak semalam, mesej kononnya bulan akan membuat tawaf mengelilingi Kaabah mula disebar kembali, mengandungi kenyataan kononnya ia kejadian terjadi sekali dalam tempoh 100,000 tahun.

Tiada kaitan

Mesej itu antara lain mengatakan, kejadian dipercayai berlaku pada jam 3.25 pagi waktu Makkah atau 8.25 waktu Malaysia dikatakan waktu paling mustajab untuk berdoa.

Penyebaran mesej itu turut berlaku tahun lalu, dengan ada pihak tidak bertanggungjawab mengaitkan penceramah terkenal antarabangsa, Mufti Ismail Menk sebagai mengesahkan kejadian itu.

Bagaimanapun, pendakwah bebas berasal dari Harare, Zimbabwe dalam jawapannya menerusi Facebook menafikan perkara itu dan mengesahkan beliau tiada kaitan dengan mesej yang tersebar.